

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kenapa Kementerian telah memberhentikan menerbitkan statistik-statistik berkenaan kes-kes rogol, keganasan rumah tangga dan serangan seksual terhadap kanak-kanak di dalam laman Kementerian sejak 2008 sehingga sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian telah memaparkan statistik berkenaan kes-kes rogol, keganasan rumah tangga dan serangan seksual terhadap kanak-kanak sehingga tahun 2008. Statistik ini bukan milik Kementerian tetapi telah diperolehi daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Bermula pada tahun 2009, statistik seumpama ini tidak lagi dipaparkan dalam laman web kementerian berikutan dasar PDRM bahawa statistik PDRM hanya dikeluarkan kepada pihak-pihak tertentu bagi tujuan penyelidikan dan akademik sahaja. Penyiaran statistik PDRM di tempat-tempat terbuka seperti laman web tanpa kebenaran PDRM adalah tidak dibenarkan sama sekali. Di samping itu, tiada mana-mana pihak atau individu boleh memberikan statistik yang dikeluarkan kepada pihak ketiga tanpa kebenaran pihak PDRM.